

DF 13.1.16³ UMS bakal unggul usaha

jaminan bekalan makanan negara'

KOTA KINABALU: ~ Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mengungguli usaha jaminan bekalan makanan melalui kerjasama kerajaan Sabah dengan pihak industri untuk terus memperkasakan bidang pertanian demi manfaat rakyat di negara ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata UMS telah mengadakan perbincangan mengenai perkara itu dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, baru-baru ini dan ia mendapat reaksi positif.

"UMS akan memfokuskan kebolehdapatan makanan, ecofarm dan pembangunan industri pertanian melalui latihan keusahawanan dan komuniti serta usaha yang dijalankan oleh UMS mendapat sokongan Ketua Menteri kerana ia berkonsepkan kerjasama akademia dan industri,"

katanya kepada Bernama di sini, pada Selasa.

Beliau berkata usaha yang dijalankan UMS itu selaras dengan saranan yang dicituskan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada September 2015 mengenai dasar strategik penting negara.

Iaitu merujuk kepada keupayaan negara menghasilkan makanan sendiri dan mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan makanan import.

"Pemeriksaan bidang pertanian akan menggalakkan lebih ramai anak muda tempatan menceburi bidang pertanian sebagai usahawan tani yang bukan sahaja dapat memberikan pendapatan lumayan tetapi dapat menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada masyarakat setempat," katanya. - Bernama